

SOALAN NO: 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]  
TARIKH :  
SOALAN : 91**

**YB Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

(a) sama ada terdapat bajet tambahan diperuntukkan untuk tujuan mempertingkatkan dan memperluaskan Poliklinik Tudan dan Poliklinik Bandar Miri untuk menampung bilangan pesakit yang akan meningkat selepas penutupan Poliklinik Tanjong Lobang Miri ; dan

(b) berapa jumlah pesakit yang dirawat di kedua-dua Poliklinik Tudan dan Poliklinik Bandar Miri dari tahun 2015 ke 2016 .

**INPUT BAHAGIAN PEMBANGUNAN**

- a) Projek Klinik Kesihatan Bandaraya Miri Jenis 2 (Delima) telah diluluskan dibawah RP4 (2015) RMK10 dengan kos RM35 juta. Fasa 1 projek melibatkan kerja-kerja tanah dan kemajuan projek setakat 31 Jun 2017 adalah 76.8% (sebenar) berbanding 100% (jadual) iaitu (-) 23.2% lewat jadual.

## **INPUT BPKK**

- a) Untuk makluman, hanya terdapat Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Miri di Tanjung Lubang Miri. Pada masa ini, Klinik Kesihatan Bandaraya Miri Jenis 2 sedang dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2019. Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Miri masih beroperasi dan akan dipindahkan ke Klinik Kesihatan Bandaraya Miri apabila klinik ini siap kelak.
- b) Jumlah pesakit yang dirawat di Klinik Kesihatan Tudan pada tahun 2015 adalah seramai 130,119 orang dan tahun 2016 adalah seramai 170,228 orang. Jumlah pesakit yang dirawat di Klinik Kesihatan Bandar Miri pula adalah seramai 192,923 orang pada tahun 2015 dan 225,638 orang pada 2016.

RT08/92

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG  
[MIRI]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS****Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah kempen anti-buli yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk memerangi gejala buli di sekolah untuk 5 tahun yang lepas. Apakah tahap keberkesanan kempen anti-buli sekiranya telah dilaksanakan; dan
- (b) apakah perkembangan tindakan oleh Kementerian untuk menggubal undang-undang anti-buli di Malaysia.

**JAWAPAN****Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

- (a) Melalui Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid, beberapa aktiviti berkaitan salah laku disiplin termasuk kempen anti buli telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama agensi kerajaan seperti PDRM dan ATM juga agensi bukan kerajaan (NGO) seperti MAPAN dan MCPF. Kempen tersebut dapat membantu murid dalam menyedarkan mereka

tentang kesan dan akibat daripada melakukan kesalahan-kesalahan jenayah.

Sekolah juga diingatkan supaya mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011 Pelaksanaan Standard Operating Procedure (Sop) 1: 3: 7 Pelaporan Dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid, supaya pihak sekolah melaporkan isu buli dengan kadar segera dan intervensi berfokus dapat dijalankan oleh sekolah, PPD, JPN dan KPM.

- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mempunyai dasar, peraturan dan mekanisme yang khusus bagi menangani isu buli dalam kalangan murid sekolah. Pendekatan yang digunakan dalam menangani isu tersebut termasuklah melaksanakan pendekatan kaunseling, program intervensi dan mengenakan hukuman gantung persekolahan terhadap murid yang terlibat dalam salah laku tersebut berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959 [*Education (School Discipline) Regulations, 1959*]